

Buku catatan peribadi Tun Ghafar diterbitkan

KUALA LUMPUR: Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba, pernah berkata bahawa rasuah yang paling besar adalah membeli undi untuk mendapatkan kuasa dalam parti kerana tindakan itu sudah tentu bertujuan membuat sesuatu untuk faedah diri sendiri.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu, yang kembali ke Rahmatullah pada 23 April lalu menyatakan bahawa mereka yang berbuat demikian samalah dengan pepatah Melayu 'jika tidak ada apa-apa, takkan tempua bersarang rendah'.

"Percayalah cakap saya, apabila ramai bilangan 'skimmers' dalam parti bercita-cita hendak menjadi Perdana Menteri, persaingannya akan menjadi terlalu hebat dan boleh membawa kepada perpecahan.

Kata-kata berkenaan tercatat dalam buku *Penitianku* yang mengumpulkan pelbagai kisah serta mutiara kata yang pernah diungkapkan oleh

negarawan itu seperti yang dikumpulkan oleh anaknya, Tamrin Ghafar.

Buku yang diterbitkan kelmarin itu adalah sempena memperingati 100 hari pemergian Allahyarham kerana komplikasi jantung, paru-paru

dan buah pinggang pada pagi 23 April di Pusat Perubatan Gleneagles Intan.

Ketika hayatnya, Allahyarham pernah berkata, Umno sekarang jauh berubah berbanding pada 1950-an kerana ketika itu ahlinya bekerja secara sukarela dan sanggup membebankan wang sendiri demi memajukan parti.

Keseluruhannya, buku 175 halaman itu mencatatkan secara teliti pelbagai peristiwa yang dilalui Allahyarham. Walaupun ada sesetengah catatan diulang berkali-kali, ia adalah nukilan peribadinya yang amat berharga.

Bagaimanapun, buku berkenaan hanya diterbitkan sebanyak 100 naskhah dan tidak dijual, sebaliknya dihadiahkan Tamrin kepada mereka yang pernah menjadi sahabat karibnya.

Oleh Hassan Omar

FAKTA NOMBOR

Buku *Penitianku*

175

Halaman

100

Naskhah